

# Pelajar sarjana lawat Terengganu

Oleh HARIS FADILAH AHMAD  
kampus@utusan.com.my

**S**ERAJAI 22 penuntut Sarjana Bahasa Melayu, Pendidikan Jarak Jauh (PJJ), Universiti Putra Malaysia (UPM) mengadakan lawatan akademik ke Kuala Terengganu, baru-baru ini.

Lawatan penuntut semester satu, dua, tiga dan empat berkenaan diikuti oleh pensyarah Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK) UPM, Profesor Madya Dr. Abdul Rashid Daing Melebek.

Antara tempat persinggahan ialah Muzium Terengganu, Masjid Terapung atau Masjid Tengku Tengah Zaharah, Seberang Takir, Pasar Kedai Payang dan Taman Tamadun Islam. Selain itu, satu sesi diskusi mengenai perkembangan bahasa dan bangsa Melayu diadakan di pantai Batu Buruk.

Menurut Dr. Abdul Rashid, program berkenaan untuk mendedahkan penuntut sarjana mengenai perkembangan sejarah bahasa Melayu klasik seperti lokasi terjumpanya prasasti, iaitu batu bBersurat di Sungai Tersat, Kuala Berang, Hulu Terengganu pada 1899.

Sehubungan itu, katanya, pengisian lawatan itu juga menjurus kepada mendalami ruang lingkup bahasa dan kesenian penduduk tempatan selain menikmati keindahan alam sekitar termasuk pantai di Kuala Terengganu.

“Fokus lawatan ini tertumpu kepada batu bBersurat bertarikh 1303 Masihi, bersamaan 702 hijrah dipamerkan di Muzium Terengganu yang menandai perkembangan bahasa Melayu klasik pada abad ke-14 hingga 18 Masihi.



**DR. Abdul Rashid (duduk dua dari kiri) dan penuntut sarjana Bahasa Melayu UPM bergambar kenangan di hadapan di Muzium Terengganu, di Kuala Terengganu, baru-baru ini.**

“Batu Bersurat ini dianggarkan berusia 700 tahun menggunakan tulisan Jawi sepenuhnya dan mempunyai kata-kata pinjaman dari bahasa Arab,” katanya.

Menurut beliau, kajian lapangan itu juga membantu menyelesaikan sebahagian tugas kerja projek untuk memenuhi pengisian pengajaran penuntut semester tiga dan empat Sarjana Bahasa Melayu di UPM.

Dr. Abdul Rashid yang banyak menghasilkan buku dan makalah berkaitan perkembangan bahasa, antaranya *Sejarah Bahasa Melayu, Sejarah Penyelidikan Barat Tentang Bahasa dan Bangsa Melayu* menyifatkan lawatan itu berjaya membuka minda penuntut terhadap penyelidikan dan pendokumentasian bahan.

Sementara itu, seorang penuntut, Arsalik Mohd. Ali, 45, berkata, lawatan

berkenaan memberi manfaat untuk menajamkan pengetahuan berhubung perkembangan bahasa Melayu dan tulisan Jawi.

“Diskusi mengenai perkembangan bahasa Melayu cukup relevan khususnya kajian lapangan meninjau Batu Bersurat di Muzium Terengganu.

Pegawai Bahasa di Pejabat Pelajaran Gombak, Selangor itu, berkata, kegiatan luar bercorak akademik memang perlu kerap dilaksanakan untuk menambah pengetahuan bukan hanya tertumpu di bilik kuliah sahaja.

Rakannya, Rozali Rajab, 49, berkata, lawatan berkenaan merupakan kegiatan luar yang dapat mengeratkan hubungan sesama penuntut sarjana yang merupakan golongan profesional.